



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Sabtu, 10 Jun 2023**

## Pemberian subsidi kawalan harga ayam, telur diteruskan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	Online

## Pemberian subsidi kawalan harga ayam, telur diteruskan



Foto fail NSTPPUTRAJAYA: Pemberian subsidi dan kawalan harga ayam serta telur akan diteruskan selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut kenyataan bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Perdana Menteri bersetuju dengan cadangan KPKM dan KPDN supaya pemberian subsidi dan kawalan harga ayam dan telur diteruskan mulai awal bulan depan. "Keputusan itu dibuat selepas mengambil kira semua aspek termasuk memastikan industri ayam dan telur kekal mampan dan kebaikan rakyat terus terbela," katanya hari ini. Sebelum ini, mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Februari lalu membuat keputusan untuk meneruskan pemberian subsidi ayam dan telur bermula 1 Januari hingga 30 Jun ini. Justeru, keputusan untuk meneruskan pemberian subsidi diambil demi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara selaras dengan aspirasi Kerajaan Malaysia MADANI. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, sebelum ini mengumumkan bahawa bermula 1 Julai ini, harga ayam dan telur tidak lagi disubsidi, sebaliknya akan diapungkan. Penamatian itu adalah membolehkan kementerian menilai serta mengawal harga barang sama ada naik atau turun, berbanding harga siling runcit ketika ini. Bagi memastikan bekalan ayam dan telur dapat distabilkan selepas subsidi berakhir, kementerian melaksanakan mekanisme bertahap, antaranya memansuhkan sekatan eksport ayam pedaging hidup, ayam bulat, dan keratan ayam sepenuhnya. Kerajaan juga akan membenarkan import ayam dari negara yang diiktiraf seperti Thailand, China, Brazil dan Denmark, manakala import telur dibenarkan dari Thailand dan Ukraine. Pada masa ini, harga siling runcit bagi ayam standard di Semenanjung adalah RM9.40 sekilogram, manakala harga siling bagi telur adalah 45 sen bagi gred A, 43 sen bagi gred B dan 41 sen bagi gred C. Laporan BH hari ini memetik nota penyelidikan **MIDF** Research yang menjangkakan harga telur berpotensi meningkat dalam masa terdekat berikutnya bekalan sumber makanan itu yang terhad di Malaysia.

Penganalisisnya, Genevieve Ng Pei Fen, berkata selain bekalan terhad di peringkat domestik, penularan wabak selesema burung global juga menyebabkan bekalan telur di negara lain berkurangan, sekali gus memungkinkan harga telur import menjadi lebih mahal di negara ini. Jelas Pei Fein, pada April lalu, harga purata bagi ayam adalah RM10.45 sekilogram, manakala harga telur gred A adalah 47 sen sebijji, gred B (45 sen sebijji) dan gred C (44 sen sebijji). "Kami percaya bahawa pengapungan harga ayam tidak akan menyebabkan kenaikan mendadak selepas kawalan harga ditamatkan, namun harga telur mungkin meningkat disebabkan bekalan yang terhad di peringkat domestik dan antarabangsa," katanya. Pei Fen berkata, MIDF Research percaya penamatian kawalan harga ayam dan telur selepas Julai ini akan membolehkan penternak mempunyai lebih banyak fleksibiliti harga untuk memindahkan kos input lebih tinggi kepada pengguna, sekali gus meningkatkan margin keuntungan. Sementara itu, katanya, penurunan harga hadapan bagi kacang soya sebanyak 1.8 peratus dan jagung (29.4 peratus) berbanding setahun lalu, akan memberikan sedikit kelegaan kepada tekanan kos syarikat penternakan, sekali gus membantu mengimbangi kenaikan kos buruh dan elektrik. Beliau menambah, perubahan itu juga akan membolehkan kuasa pasaran menentukan harga berdasarkan keadaan bekalan dan permintaan.

## Govt makes U- turn, subsidies for eggs, chickens to remain

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
FMT	-	Online

## Govt makes U-turn, subsidies for eggs, chickens to remain

On Wednesday, minister Mohamad Sabu said the prices of eggs and chicken in the market will be floated from July 1.



Prime Minister Anwar Ibrahim agreed with the proposal to continue subsidising the prices of chicken and eggs.

PETALING JAYA: Putrajaya will continue to subsidise the prices of chicken and eggs after June 30, the government has announced. The agriculture and food security as well as domestic trade and cost of living ministries said Prime Minister Anwar Ibrahim agreed with their proposal to continue subsidising the prices of chicken and eggs. Stay up-to-date by following FMT's Telegram channel "This decision to continue giving the subsidies was taken to ensure the people's welfare is preserved," the ministries said in a joint statement today. On Wednesday, agriculture and food security minister Mohamad Sabu said the prices of eggs and chicken in the market will be floated from July 1. In a written Dewan Rakyat reply, Mohamad said government subsidies for eggs and chicken would end after June 30, adding that the domestic trade and cost of living ministry would control the prices of these two items. He said the ministry would also lift the ban on exporting day-old chicks, whole chicken and chicken parts from July 1 and allow the import of eggs and chicken from recognised source countries. This was to ensure a stable supply of the two items in the market after the subsidies ended. In February, Mohamad had said Putrajaya planned to float the prices of eggs and chicken after June. He had said then that subsidising chicken eggs until June would cost the government some RM1.28 billion. The current retail price ceiling for a standard chicken is RM9.40 per kg while the price for eggs are Grade A (45 sen per egg), Grade B (43 sen per egg) and Grade C (41 sen per egg) in the peninsula. In Langkawi, Sabah, Sarawak and Labuan, the maximum price for both items differ according to the respective zones and districts.

## 'Mat Sabu kena jawab isu harga telur dijangka naik'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	-	Online

### 'Mat Sabu kena jawab isu harga telur dijangka naik'



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyantuni jemaah selepas solat Jumaat di Masjid Jam'iil-Huda, Ampang. NSTP/ASYRAF HAMZAH

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, memberi penjelasan berhubung dakwaan harga telur yang dijangka naik dalam masa terdekat.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai reaksi segera kepada pertanyaan mengenai jangkaan kenaikan harga telur dalam pasaran negara hasil penyelidikan yang dijalankan oleh MIDF Research "Tanya Menteri Pertanian (dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu)," katanya ringkas kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamaiul-Huda, Ampang hari ini. Laporan BH hari ini yang memetik nota penyelidikan MIDF Research menjangkakan, harga telur berpotensi meningkat dalam masa terdekat ini berikutan bekalan sumber makanan itu yang terhad di Malaysia. Menurut penganalisisnya, Genevieve Ng Pei Fen, berkata selain bekalan terhad di peringkat domestik, penularan wabak selesema burung global telah menyebabkan bekalan telur di negara lain turut berkurangan. Mengulas lanjut keadaan itu, Pei Fen berkata ia sekali gus berpotensi menjadikan harga telur import menjadi lebih mahal di Jelas Pei Fein, pada April lalu, harga purata bagi ayam adalah RM10.45 sekilogram, manakala harga telur gred A adalah 47 sen sebijji, gred B (45 sen sebijji) dan gred C (44 sen sebijji). "Kami percaya bahawa pengapungan harga ayam tidak akan menyebabkan kenaikan mendadak selepas kawalan harga ditamatkan, namun harga telur mungkin meningkat disebabkan bekalan yang terhad di peringkat domestik dan antarabangsa," kata penganalisis itu.

Bermula 1 Julai ini, kerajaan mengumumkan harga ayam dan telur tidak lagi disubsidi, sebaliknya akan diapungkan. Penamatan itu adalah membolehkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menilai serta mengawal harga barang sama ada naik atau turun, berbanding harga siling runcit ketika ini.

**-TERIMA KASIH-**

DISEDIAKAN OLEH :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**